

- 6 Nilai pasaran industri perkhidmatan penghantaran makanan secara dalam talian dijangka akan terus meningkat kerana mendapat permintaan yang tinggi.
- A dapat permintaan tinggi
 B mendapat minta yang tinggi
 C dapat permintaan yang tinggi
 D mendapat permintaan yang tinggi

Soalan 7

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat bercetak tebal. **ARAS: 5**

- 7 Murid-murid yang berkhemah di hutan lipur itu mestilah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah supaya tidak menimbulkan sebarang masalah.
- A Masalah akan timbul sekiranya murid-murid yang berkhemah di hutan lipur itu gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.
 B Perkhemahan di hutan lipur itu akan mendatangkan pelbagai masalah sekiranya murid-murid gagal mematuhi peraturan di dalam khemah.
 C Peraturan mesti dipatuhi oleh murid-murid di khemah supaya tidak berlaku sebarang masalah ketika mereka berada di hutan lipur itu.
 D Peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah mesti dipatuhi oleh murid-murid yang berkhemah di hutan lipur itu supaya tidak berlaku sebarang masalah.

Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul. **ARAS: 5**

- 8 I Salah satu hobi Faridah ialah masak pelbagai jenis masakan tradisional.
 II Tiara memastikan kari dagingnya benar-benar masak dan empuk.
 III Kami sudah masak dengan perangai Steve yang suka menipu itu.
 IV Buah betik yang terdapat di kebun Pak Cik Selamat itu sudah masak.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat-ayat yang betul. **ARAS: 7**

- 9 I Puan Zizi seorang penulis yang berkebolehan dan telah menghasilkan pelbagai jenis bahan bacaan.
 II Ketika Amanda sedang menonton televisyen, dia terdengar bunyi orang mengetuk pintu rumah.
 III Alias memperdalamkan parit di belakang rumahnya untuk mengelakkan banjir.
 IV Meng Ling menasihatkan adiknya agar belajar bersungguh-sungguh.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

BAHAGIAN B

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. **ARAS: 5**

- 1 Tanaman tembikai yang dilakukan oleh Encik Fauzi sudah mula membuah hasil.

- 2 Selepas membeli tanah itu, Pak Cik Amran dan Abang Firdaus mengemas belukar untuk dijadikan kebun.

- 3 Sultan berkenan untuk bertolak ke kampung itu bagi meninjau perkembangan pembangunan di situ.

- 4 Syaaban berjaya melebihi rakan-rakannya dalam acara lumba lari 100 meter dan memenangi pingat emas.

- 5 Dua buah rumah yang terletak di pinggir bukit itu musnah dalam kejadian ribut yang meniup kawasan itu pada petang semalam.

- 6 Para saintis sedang giat berusaha mencari vaksin untuk menghalang penularan COVID-19 daripada terus merebak.
